

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

TAHUN 15 BILANGAN 39 RABU 30 SEPTEMBER 1970 1390 رجب 29 رابو PERCHUMA

Nama Bandar Seri Begawan mula di-gunakan pada 4 Oktober, 1970



D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan sedang menyampaikan sijil kepada Ak. Md. Hassan bin Pengiran Zainal di antara 244 orang guru yang telah tamat dari Maktab Perguruan Brunei.

D.Y.M.M. SAMPAIKAN SIJIL2 KAPADA GURU2

BANDAR BRUNEI. — Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan telah berangkat berchemarduli ka-Dewan Sekolah Melayu Puser Ulak pada hari Sabtu lepas untok menyampaikan sijil2 kapada guru2 yang telah tamat menjalani pengajian di-Maktab Perguruan Brunei.

Guru2 itu ada-lah mengandungi sa-ramai 244 orang yang terdiri dari dua aliran pengajian ia-itu Melayu dan Inggeris. Mereka akan menjalankan khidmat masing2 di-sekolah2 yang di-tentukan di-negeri ini.

Dalam istiadat penyampaian sijil2 itu, Duli Yang Maha Mulia telah melapadzkan titah panduan kapada guru2 itu untok melaksanakan tugas masing2 dengan lebih sempurna.

(Titah baginda sapenoh-nya di-siarkan di-muka 4.)

Pengarah Pelajaran, Dato Seri Laila Jasa Awang Malcolm McInnes dan Pengetua Maktab Perguruan itu, Awang P. D. Parshad telah juga beruchap di-istiadat itu.

Sa-bagai kenang2an, maka pesharah2 dan pelajar2 maktab itu telah menghadihkan tanda-mata

kapada Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, sementara untok Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri, pelajar2 itu telah menghadihkan sa-akaran bunga.

Di-antara yang hadir dalam istiadat itu ia-lah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan, Tuan Yang Terutama Pesuruhjaya Tinggi British Awang A. R. Adair, Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibul-Himmah Wal-Waqar Muda Mohammad Bolkiah, Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli2 Wazir, Menteri Besar Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran Haji Md. Yusof, Yang Amat Mulia Cheteria2, pengiran2 dan pegawai2 kanan kerajaan.

Istiadat itu telah di-tamatkan dengan bacaan do'a selamat oleh Yang Di-Muliakan Pehin Datu Seri Maharaja, Dato Utama Awang Haji Ismail bin Omar Abdul Aziz.

LIMBANG ADA-LAH HAK BRUNEI

BANDAR BRUNEI. — Brunei dan Limbang tidak mempunyai sempadan kerana Limbang ada-lah hak Brunei.

Demikian telah di-tegaskan oleh Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan, Sir Muda Omar Ali Saifuddin semalam.

Bersabda sa-belum merasmikan pameran buku2 dan pameran seni lukis sempena menyambut penukaran nama Bandar Brunei kapada Bandar Seri Begawan yang berlangsung di-Balai Pameran Dewan Bahasa dan Pustaka, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan bersabda:

“Beta telah menuntut Limbang kapada Malaysia sa-baik2 saja Brunei memutus-

kan tidak memasoki Malaysia”.

Menurut Duli Yang Teramat Mulia itu bahawa tuntutan itu telah di-hantar kapada kerajaan pusat Malaysia dengan berasaskan dari segi ugama dan menurut hukum2 ugama mengenai hak, ya'ni Brunei berhak ka-atas Limbang.

Duli Yang Teramat Mulia itu juga menegaskan bahawa Brunei telah pun menghantar penyusunan atas tuntutan itu kapada Malaysia dengan menurut saluran2 yang sihat.

Beliau meminta kapada pembuat2 peta supaya jangan di-bubuh atau di-garish sempadan Brunei dengan Limbang, kerana kedua2-nya tidak mempunyai sempadan di-sebabkan Limbang ada-lah hak Brunei.



D.Y.T.M. Paduka Seri Begawan Sultan.

(Sabda penoh Duli Yang Teramat Mulia di-istiadat pembukaan rasmi pameran buku2 dan pameran seni lukis itu di-siarkan di-muka 5).

Biasiswa untok Raayat Brunei

BANDAR BRUNEI. — Kerajaan United Kingdom dan New Zealand sedang menawarkan biasiswa kapada raayat Brunei bagi pelajaran2 lanjutan atau mahasiswa lanjutan di-unibersiti2 di-kedua2 negeri itu.

Pemohonan2 ada-lah di-pelawa dari raayat Brunei yang layak yang mempunyai satu ijazah unibersiti atau kelayakkan yang sebanding, atau mempunyai Sijil Persekolahan Tinggi atau yang sebanding dengan-nya.

Pemohon2 hendak-lah membektikan yang mereka chukop mahir dalam bahasa Inggeris yang membolehkan mereka mendapat faedah dari kursus2 pengajian di-Britain atau New Zealand. Biasiswa itu akan bermula pada penggal pelajaran akademik 1971.

Pemohonan2 chara bertulis dengan memberikan keterangan2 lengkap hendak-lah di-isikan dalam borang2 yang boleh di-dapati dari Setiausaha Jawatankuasa Biasiswa, Jabatan Pelajaran Bandar Brunei, dan ia-nya hendak-lah di-kembalikan sa-belum 31 Oktober, 1970.

Renchana "sosiologi dan memberantas buta huruf" ini ia-lah sharahan Awang Lim Jock Seng, Penulong Curator Museum, Brunei di-Kerusus Guru2 Melayu bagi Pelajaran Rendah yang berlangsung di-Maktab SOAS dalam bulan lepas. Untuk pemberantasan buta huruf yang lebeh terator, maka renchana beliau ini ada baik-nya di-buat sekurang2-nya untuk menjadi bahan renongan, khas-nya pada para pendidek yang turut berjuang dalam soal pemberantasan buta huruf di-negeri ini.

Tujuan renchana ini ia-lah untuk menchuba menerangkan masalaah2, chara2 dan jalan2 dalam memberantas buta huruf. Harapan saya melalui perbincangan saperti ini kita akan dapat memberi perang-sang lebeh banyak perbincangan lagi bukan saja terhadap soal buta huruf tetapi juga dalam soal pelajaran umum-nya. Harus saya tegaskan di-sini bahawa renchana ini ha-nya-lah sebahagian daripada beberapa jurusan dan ia-nya hanya-lah satu pandangan dari seluroh kacha-mata pemikiran. Saya akan bahagikan renchana ini kepada tiga bahagian:

1. Apa itu sosiologi
2. Apa-kah masalaah buta huruf
3. Apa-kah sumbangan so-siologi terhadap membe-rantas buta huruf.

1. Apa itu sosiologi?

Ini satu soalan yang agak sulit bagi saya menjawab-nya dengan tepat. Kerana sesudah belajar di-universiti selama 3 tahun dalam sosiologi, saya mengakui bahawa saya tidak dapat memberikan jawapan dengan tepat. Ia-nya bukan-lah saperti menjawab "apa itu 2 kali 2" dan jawapan-nya tentu-lah 4. Bagaimana pun biar-lah saya chuba menjawab soalan ini dari pandangan saya sendiri. Mungkin pelajar2 sosiologi yang lain tidak bersetuju dengan definisi atau istilah saya mengenai erti sosiologi itu. Tetapi untuk kemudahan dan kandungan renchana ini saya memberikan istilah yang agak ringan.

a) Sosiologi sebagai pengka-jian masyarakat:

Kita boleh maknakan sosio-logi sebagai pengkajian ma-sharakat atau kaji masyarakat untuk rengkas-nya, dan di-sini masyarakat ia-lah unit atau benda bagi pengkajian itu. Kita melihat masyarakat sebagai

satu kumpulan atau apa yang di-gelar dalam istilah kaji ma-sharakat sebagai pandangan keseluruhan. Masyarakat ter-diri dari yaysan (Institusi) yang berhubung satu dengan lain. Perkara ini akan saya terangkan lebeh lanjut kemudi-an. Sebagai chuntah-nya kita boleh bayangkan masyarakat Brunei sebagai satu benda bu-lat. Di-dalam-nya terdapat ber-bagai2 rangka yang di-gelar institusi atau yaysan saperti keluarga, sekolah, parti politik, mesjid2 dan lain2 yang ada sa-ling berhubung untuk men-jadikan sa-buah masyarakat. Jadi-nya, jika kita maknakan sosiologi sebagai kaji ma-sha-rakat, kita mengambil ma-sha-rakat itu sebagai unit untuk di-analisa dan kita meliha ma-sharakat itu sebagai satu ben-tok yang terdiri dari sistem perhubungan atau yaysan ini. Jadi-nya sebagai sa-orang pengkaji masyarakat kita bu-kan hanya berminat dalam sis-tem kekeluargaan tetapi juga dalam ekonomi, politik, pela-jaran dan lain2 yaysan atau sistem yang semua-nya ini menjadikan sa-buah ma-sha-rakat itu. Misal-nya jika kita bayangkan sa-buah rumah yang lengkap sebagai satu ma-sharakat, tentu-nya bahagian2 dan rangka2-nya ada-lah ya-yasan2 yang melengkapi ru-mah itu.

b) Sosiologi sebagai kaji yaysan:

Kita dapat perhatikan baha-wa masyarakat itu ada-lah unit untuk di-analisa bagi kaji ma-nusia (anthropology) dan seja-ras juga. Jadi ada-lah lebeh sesuai bagi sosiologi menum-pukan ka-atas pengkajian ya-yasan2 atau perhubungan ele-men2 dalam masyarakat itu. Saya terangkan lagi bahawa yaysan itu ada-lah saperti ke-luarga, sekolah2, parti2 poli-tik dan sebagainya. Kita ber-minat juga pada sifat2 ya-yasan itu dan salah satu yaysan dalam pengkajian pada masa ini ia-lah "bureaucracy" teruta-

SOSIOLOGI dan MEMBERANTAS BUTA HURUF

— oleh Awang Lim Jock Seng

ma dalam proses perbandingan dan perkembangan pertuboh-an2 yang besar. Harus di-per-hatikan di-sini bahawa kita mengkaji hanya-lah rangka2 rumah dan bukan-nya sa-buah rumah yang lengkap.

c) Sosiologi sebagai kaji perhubungan sosial:

Saya telah terangkan bahawa masyarakat itu terdiri dari ber-bagai2 yaysan. Tetapi yaysan ada-lah terdiri dari berbagai2 perhubungan sosial yang kom-plek. Misal-nya keluarga itu terdiri dari berbagai2 perhu-bongan — antara lelaki dan perempuan, ibu-bapa dan anak, adek lelaki dan adek perem-puan, nenek dan chuchu. Ma-sing2 ini boleh kita kaji sebagai satu jenis perhubungan ter-tentu.

Apa yang saya terangkan di-atas ini bukan-lah satu makna yang mendalam, tetapi serba sedikit ia-nya telah dapat menerangkan erti sosiologi dengan rengkas dan mudah di-faham-kan. **M. Ginsberg** dalam buku-nya menerangkan bahawa kaji masyarakat itu ia-lah peng-kajian terhadap saling bertin-dakan dan saling perhubungan manusia, keadaan dan akibat-nya. (Harap perhatikan perka-taan manusia dalam saling ber-tindakan dan saling berhu-bongan). Satu daripada sifat2 nyata pada manusia ia-lah mempunyai akal fikiran, baha-sa dan tulisan. Bahasa dan tu-lisan menolong kita membuat perhubungan antara satu de-ngan lain. Saling bertindakan menghendaki sekurang2-nya 2 orang pelakun. Jika tuan me-mukul sa-orang, itu hanya-lah tindakan. Tetapi jika orang itu membalas balek, timbul-lah sa-tu perhubungan, dan proses ini

di-gelar saling bertindakan (in-teraction). Bagi saling berhu-bongan, saya misalkan, jika tuan menghantar chendera ma-ta kepada jiran tuan pada hari jadi-nya, satu perhubungan tel-lah timbul. Dan jika ia mem-balas saperti ini dan pada lain2 perkara, erti-nya saling berhubungan telah tumbuh.

Sabelum saya mengakhiri ba-hagian ini harus saya ingatkan bahawa sains kaji masyarakat itu hanya-lah satu perchubaan untuk memahami dan mene-rangkan. Kita harus-lah meli-hat kepada faktor2 yang ada pada kita dan jangan-lah mem-buat penilaian yang berat sa-belah. **P. L. Berger** dalam bu-ku-nya "**Mengenal Kaji Ma-sha-rakat**" menulis: sa-orang ahli kaji masyarakat chuba melihat apa yang ada dan bukan untuk membuat apa2 keputusan: Tu-gas-nya ia-lah melaporkan de-ngan sabetul2-nya tentang apa yang di-lihat-nya. Jadi-nya pengkaji masyarakat tidak akan bertanya soalan saperti "adakah percherai-an itu betul atau salah". Adakah kemiskin-an itu betul atau salah. Adakah penchegah beranak itu baik atau tidak baik. Soalan2 sa-perti ini ia-lah soalan2 dasar mo-ral dan tidak termasuk dalam lojik2 kaji masyarakat. Peng-kaji masyarakat akan berta-nya, apa-kah darjah percherai-an dalam masyarakat? Apakah perkara2 yang boleh mengechil-kan atau membanyakkan per-cherai-an? Apa itu kemiskinan? Bagaimana kita mengukor ke-miskinan? Apakah perkara2 menolong menambah atau mengurangkan kemiskinan, dan lain2 soalan saperti ini lagi. Soalan2 sa-pertj ini bertanya-kan kepada perkara2 yang me-libatkan sesuatu perkara itu terjadi.

Renchana ini di-sambong minggu depan dengan pembicharaan mengenai "apakah masalaah buta huruf" dan apakah sumbangan sosiologi terhadap memberantas buta huruf".

Barang di-ketahui bahawa dalam masa bulan Rejab ini ada-lah salah satu masa yang sangat bersejarah yang telah berlaku ka-atas junjongan kita Nabi Mohammad s.a.w. sa-belum baginda berhijrah ka-Medinah ia-itu apa yang di-namakan peristewa Isra' dan Me'raj, sa-bagaimana yang telah diterangkan oleh Allah Subhanahu wata'ala di-dalam kitab suci Al-Quran al-karim surah Isra' ayat 1 yang bermaksud:

"Maha suci Tohan yang menjalankan hamba-nya (Mohammad) pada malam hari dari Mesjidil-Haram ka-Mesjidil-Aqsa, yang telah kami (Allah) berkati di-sekeliling-nya, supaya kami perlihatkan keterangan2 kami kapada-nya. Sa-sungguh-nya dia (Allah) maha mendengar lagi melihat".

Isra', arti-nya ia-lah perjalanan Nabi Mohammad s.a.w. di-waktu malam, dari Mesjidil-Haram (di-Mekah) ka-Mesjidil-Aqsa (Pelastin). Me'raj pula ada-lah perjalanan Nabi Mohammad s.a.w. naik ka-langit.

Dalam perjalanan Isra' dan Me'raj ini, Rasulullah telah di-perlihatkan sekalian roh nabi2 dan menerima perintah kewajiban mengerjakan sembahyang lima waktu sa-hari sa-malam.

Sa-lain daripada itu Rasulullah telah juga di-perlihatkan pandangan2 sa-bagai bukti kebenaran dan kuasa Allah Subhanahu Wata'ala. Bagitu juga pandangan2 peristewa yang akan di-lakukan oleh umat-nya serta memberi kiasan kapada

Peristewa2 Isra' dan Me'raj timbulkan petunjok2 untok lebeh menguatkan iman

KHUTBAH JUMA'AT

orang2 yang melanggar titah-perintah Allah.

Sa-bagaimana kita umat Islam di-negeri ini pada tiap2 tahun mengadakan sambutan2 untok memperingati peristewa2 Isra' dan Me'raj, disamping membaharui ingatan dalam peristewa2 tersebut.

Tetapi apa yang selalu kita dapati bahawa sambutan2 itu hanya tinggal apa yang di-katakan sambutan sahaja atau dengan lain2 perkataan "apabila habis sambutan dan mendengar sharahan2, maka berbalak-lah kapada asal".

"Baginda Rasulullah telah di-perlihatkan kapada satu kaum yang memechah2kan kepala-nya, kemudian baik semula dan di-pechah2kan kembali. Orang2 ini-lah yang berat kepala-nya untok mengerjakan ibadat sembahyang".

Tetapi apa yang di-maksudkan memperingati Isra' dan Me'raj itu hendak-lah kita berazam dan benar2 beriman memperchayai serta di-sertakan amal, terutama sembahyang lima waktu sa-hari sa-malam yang di-terima oleh Rasulullah s.a.w. sendiri semasa peristewa Me'raj — tidak-lah sapertimana kewajiban2 yang lain dengan perantaraan wahi.

Dan semasa peristewa Isra' dan Me'raj itu baginda Rasulullah telah di-perlihatkan bahawa satu kaum yang memechah2kan kepala-nya kemudian baik semula, kemudian di-pechah2kan lagi.

Lalu Jibril menerangkan kapada Rasulullah bahawa ini-lah misalan orang yang berat kepala-nya untok mengerjakan ibadat sembahyang.

Oleh yang demikian, ini-lah di-ingatkan agar peristewa Isra' dan Me'raj itu akan menjadikan kita lebeh kuat dan perchaya ka-atas segala kekuasaan Allah dan segala perkara2 yang di-dengar yang mana tidak sampai oleh akal fikiran manusia saperti shurga neraka dan lain2 lagi. Moga2 kita tidak akan tersekat — dan moga2 kita mendapat petunjok dan pemeliharaan Allah jua. Amin-ya-rabbul-amin.

JOHAN BAHATH SEKOLAH2 MENENGAH SA-NEGERI 1970



Pasokan Bahath Perempuan dari Sekolah Menengah Melayu Muda Hashim, Tutong telah menyandang gelaran Johan sa-Negeri Brunei bagi Tahun 1970 yang berlangsung di-Dewan Sekolah Melayu Puser Ulak Brunei pada 30hb. Ogos 1970.

Sa-bagai kenang2an, maka jagoh2 bahath itu bergambar ramai dengan pengawas dan guru2 yang melateh mereka.

Pengenalan berdiri dari kiri: Che'gu2 Hasnan bin Sahari, Dk. Maimunah bte Pg. Haji Salim, Ahmad bin Haji Badar (Pengawas) dan Ak. Kahar bin Pg. Metali.

Sementara duduk dari kiri: Dg. Afsah bte Sabtu, Dg. Zaleha bte Aw. Damit, Dg. Munah bte Aman dan Dg. Opiee bte Arbaie. (Gambar kiriman Pengawas Badan Bahasa SMMM Hashim, Tutong).

Waktu2 Sembahyang, Imsak dan Matahari Terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dari matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 30 Sept. 1970 hingga ka-hari Selasa 6 Oct. 1970, ada-lah saperti di-bawah ini:—

<i>Hari</i>	<i>Matahari</i>						
<i>Bulan</i>	<i>Dzohor</i>	<i>Asar</i>	<i>Magrib</i>	<i>Isha</i>	<i>Imsak</i>	<i>Suboh</i>	<i>Terbit</i>
30 Sept.	12-18	3-35	6-21	7-33	4-36	4-51	6-08
1 Oct.	12-16	2-23	6-17	7-31	4-35	4-50	6-07
2 Oct.	12-16	3-33	6-17	7-31	4-35	4-50	6-07
3 Oct.	12-16	3-33	6-17	7-31	4-35	4-50	6-07
4 Oct.	12-16	3-33	6-17	7-31	4-35	4-50	6-07
5 Oct.	12-16	3-33	6-17	7-31	4-35	4-50	6-07
6 Oct.	12-14	3-32	6-13	7-31	4-34	4-49	6-06

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12-45 tengah hari.



30hb. September, 1970.

PENUKARAN NAMA BANDAR

TERNYATA tidak dapat diragukan lagi bahawa semua pehak, sama ada dari golongan intelek, tua dan muda atau yang di-sebut belia dari semua peringkat di-negeri ini, khususnya di-kawasan Daerah Brunei dan Muara telah mengalu2kan penukaran nama Bandar Brunei kepada Bandar Seri Begawan.

Penduduk2 di-kawasan Bandar Brunei sendiri telah menanggapi kata sepakat untuk benar2 memboktikan persetujuan mereka terhadap perubahan nama bandar itu dengan mendirikan sa-buah tugu peringatan yang akan di-tetapkan di-tengah2 bandar ia-itu berdekatan dengan bangunan Dewan Kemaharabatan. Sudah tentu perbelanjaan untuk membina tugu itu tidak-lah sedikit jumlah-nya. Tetapi nilai-nya ada-lah lebih besar dari itu, kerana dengan jalan yang demikian mereka dapat memboktikan dukongan2 mereka yang amat jelas, terhadap sa-suatu langkah yang kena pada tempat-nya.

Penukaran nama Bandar Brunei kepada Bandar Seri Begawan itu ada-lah suatu perkara yang harus di-sambut dengan dada yang lapang oleh semua pehak di-negeri ini. Kerana, dari sudut yang nyata, malah bagitu payah untuk membelakangkan - nya bahawa jasa2 yang telah di-churaikan oleh D.Y.T.M. Paduka Seri Begawan Sultan terhadap negara dan bangsa Brunei khas-nya dan perkembangan2 yang bagitu pesat terhadap ugama Islam ada-lah masih belum dapat di-nilai jika hanya sekadar nama bandar tersebut di-tukar dengan sempena nama Duli Yang Teramat Mulia itu.

Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara, Pengiran Momin bin Pengiran Haji Ismail, Setia Usaha Kerajaan sendiri telah mengakui bahawa penukaran nama itu hanya-lah satu bahagian yang kecil sahaja, jika di-nilai dari jasa2 D.Y.T.M. itu sa-lama ini.

Bahawa pembangunan dan pemodenan Brunei yang di-kecapi oleh semua pehak dewasa ini ada-lah berkat usaha D.Y.T.M. yang bagitu yakin terhadap hasrat-nya sendiri untuk mengujudkan Negeri Brunei ini benar2 menjadi negara yang aman, makmur dan sejahtera dengan raayat dan penduduk-nya hidup bahagia.

Kerana jasa D.Y.T.M. yang bagitu besar terhadap pembangunan negara yang bagitu pesat dalam jangka waktu yang singkat, maka D.Y.T.M. pernah di-sifatkan sa-bagai akitek Brunei moden. Tetapi jika hanya sekadar itu penghargaan untuk D.Y.T.M.—atau hanya sekadar dari segi tuturan sahaja, maka ia-nya ternyata amat jauh dari sa-imbang. Dan, penukaran nama bandar itu pun masih lagi di-katakan oleh Yang Berhormat Setia Usaha Kerajaan sa-bagai satu penghormatan yang kechil saja bentuk-nya untuk menilai jasa2 D.Y.T.M. itu. Oleh yang demikian masih perlu di-chari sa-suatu yang sa-nilai dengan jasa2 baginda itu.

Namun demikian, raayat dan negara tetap terhutang budi kepada D.Y.T.M. Paduka Seri Begawan Sultan.

TITAH DULI YANG MAHA MULIA KAPADA GURU2

● Di-istiadat penyampaian sijil2 kepada guru2 lepasan Maktab Perguruan Brunei, D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan dalam titah khas baginda antara lain telah menimbulkan tentang pembentokan Surohanjaya Pelajaran sambil menyeru kaum2 intilek termasuk kaum guru supaya tidak berlingah2 pada menyatakan pendapat2 mereka kapada surohanjaya itu.

Titah baginda sapenoh-nya ada-lah saperti berikut:

ALHAMDULILLAH segala puji bagi Allah subhanahu wata'ala, Tohan seru sekalian alam dan selawat serta salam kapada junjongan kita Nabi Mohamad s.a.w., kaum keluarga dan sahabat2 baginda.

Assalam - mualikum - warahmatullah-hi warbakatuh.

Beta bershukur dan sukachita kerana dengan izin Allah beta dapat hadir di-majlis ini untuk penyampaian sijil2 kepada murid2 yang telah berkelulusan. Beta perchaya laila hadirin di-majlis ini akan menyaksikan mutu-nya serta berkesan pada rajin bersekolah menuntut ilmu pelajaran dalam menghadapi dan mengatasi masa'alah2 buta hurup. Terutama sekali pada zaman ke-70han yang serba serbi memerlukan ilmu pengetahuan yang baik bermunafaat langkah sejahtera pada meng-sambangkan dengan keadaan masa dan kedudukan negeri kita Brunei yang di-chintai ini.

Istiadat penyampaian sijil2 ini ia-lah suatu bakti yang nyata dari segi usaha2 baik dan berfaedah telah di-jalankan ia-itu sama ada bagi pehak kerajaan melalui Jabatan Pelajaran-nya yang telah mengator dan menyusun kemudahan pelajaran sedaya-upaya yang boleh.

Beta ucapkan tahniah di atas usaha laila giat pada pehak penerima2 sijil pada hari ini. Pada guru2 serta pendidek2 yang telah menyumbangkan tenaga keikhlasan mereka dalam bidang ini beta ingin menyatakan penghargaan serta terima kasih beta.

Awang2 dan Dayang2 istimewa kapada penerima2 sijil pada hari ini.

Beta penoh perchaya dan di-sertai dengan do'a bahawa penerima sijil2 yang bermutu ini walau pun ia-nya merupakan suatu bakti yang nyata terhadap kemajuan yang telah tercapai itu, hendaknya-lah hasil dari rajin tabah sa-hingga mendapat diploma laila sijil, dan sa-bisai2-nya-lah kelulusan ini di-sambut dengan lapaz ikrar lidah di-tasdiikan dengan laila hati pada menguchapkan Alhamdulillah dan bukan-nya kemegahan dan di-jadikan sa-

bagai satu lagi alat pendidekan yang agak melambong kebaha-ruan, saperti jentera2 atau alat2 lain yang semesti-nya berasaskan pengalaman laila mahir dapat membaharui modal-nya dari suatu masa ka-suatu masa.

Sijil ada-lah suatu bakti yang nyata dari segi kerajinan yang bersungguh2 sa-bagai satu alat pendidekan itu tidak dapat tidak hendaknya-lah di-sesuaikan dengan kemajuan2 pelajaran di-sekitar dan keperluan2 dalam negeri kita Brunei Darius-salam ini. Dari itu penerima sijil ini bukan-lah kemunchak atau penghabisan usaha pada berusaha menuntut laila ilmu pelajaran, ilmu pengetahuan laila bersekolah yang mendatangkan munafaat tidak habis di-pelajari sa-hingga hari Kiamat.

Oleh yang demikian Ugama kita menggalakkan pada mempelajari laila berjenis ilmu pelajaran dari sejak dalam buayan hingga ka-liang lahad.

Sabenar-nya Awang2 dan Dayang2 baru saja memulakan usaha yang beta masih teringat selalu saja di-sebut2 oleh paduka ayahnda beta sa-bagai kata pepatah "pada melangkahkan kaki sa-pepak" berkehendakkan tunduki kaki sa-belum melangkah, lailakan langkah titajati dari bertiti, kelilinggi negeri2 yang baik di-dalam dunia sa-belum mendaki angkasa lepas, lailakan pendengaran, terangkan pandangan, lailakan fikiran sejahtera kerja-nya, laila budi kesianan jasa pada mengingatkan-nya sentiasa. Langit hendak di-julok bumi yang laila subur belum habis di-usahkan, yakni khas kapada negeri kita Brunei darius-salam yang di-chintai ini, dari segi belajar ilmu laila berjenis mata pelajaran..

Effektip-nya alat pendidekan ini ada-lah bulat2 tergantung kapada awang2 dan dayang2 semua dalam menumpukan kegiatan masing2 pada mengajar laila ilmu pelajaran. Belajar laila ilmu pelajaran serta melailakan ketabahan bagi melailakan persesuaian diri kapada keadaan2 dan kemajuan2 serta keperluan2 yang beta sebutkan itu.

Tertaalok kapada kegiatan2 ini-lah juga menjadi satu bayangan bakti yang nyata laila tergantung-nya kesempurnaan hasil2 pendidekan dan ajaran, kebajikan bagi keturunan panahir dan laila purih yang telah menjadi ramalan berkurun2 itu juga hendaknya-lah digubah di-molekkan, laila beralaskan suasana di-negeri kita ini.

Berthabit dengan tanggung jawab yang agak berat ini beta sukachita pada memberi penjelasan sa-chara ringkas bahawa faedah2 menumpukan tenaga Awang2 dan Dayang2 bulat2 sa-bagai pendidek laila bahagia yang sabenar2-nya amat-lah penting, juga beta ingin mengingati

bahawa laila serentak keperchayaan pendidekan yakni guru dan yang menerima didekan ia-itu murid2 yang rajin memerlukan penyesesuaian sistem dan chorak pelajaran yang sa-imbang dengan suasana keadaan masa dan keperluan negeri ini. Oleh yang demikian Surohanjaya Pelajaran yang telah terbentuk itu beta di-fahamkan sedang giat menjalankan usaha2-nya.

Beta mempunyai harapan, kerajaan beta akan menghadapkan kapada beta hasil2 usaha Surohanjaya ini, terhadap hasil2 dari laporan mereka. Dalam perkara ini beta berharap dan mempunyai penoh keperchayaan, semua lapisan masyarakat di-negeri ini terutama sekali kaum2 intilek termasuk kaum guru sekalian tidak akan ragu2 atau berlingah lagi mengenangkan pendapat2 serta pengalaman2 mereka kapada Surohanjaya itu supaya lebih sempurna-lah nanti hasil usaha yang sungguh benar laila beta maksudkan.

Perbualan di-tepi jalan, perbualan barang pantaran, berbisik di-ujung jungkar dan keritik2 di-sebarang tempat atau ketiadaan saloran laila saloran tidak akan mendatangkan hasil2 yang membina, malahan ia-nya boleh jadi akan menimbulkan kerumitan. Biar-lah pandangan2 dan buah fikiran laila munasabah yang bermunafaat Awang2 dan Dayang2 itu di-salurkan kapada Surohanjaya yang berkaitan ini. Dengan jalan ini mudah2an amalan yang baik dan berkebajikan laila sempalah itu akan mendapat safaat yang mengamalkan-nya, insha Allah.

Awang2 dan Dayang2 yang di-kasehi, beta sukachita mengingatkan pada mengusahakan negeri kita Brunei darius-salam ka-arah kesentosaan, aman, tenteram, laila bahagia, empat perkara:

Pertama. — Mengutamakan keselamatan.

Kedua. — Kesihatan.

Ketiga. — Pelajaran; dan

Ke-empat. — Culture.

Empat perkara saperti beta sebutkan ini insha Allah jika bersungguh2 di-titik beratkan dan di-amalkan sentiasa dengan izin Allah subhanahu wataala terpelihara dari merbahaya dan jauh dari mendapat malapetaka. Ini juga menjadi tanggung-jawab Awang2 dan Dayang2 laila isi dalam negeri utama negeri kita Brunei darius-salam yang kechil molek laila mewah.

Dengan itu sekali lagi beta ucapkan tahniah kapada Awang2 dan Dayang2 sekalian dan selamat berbakat di-dalam pendidekan yang menjadi laila restaan.

Wa-bilah hi taufik wal hidayah. Amin.

D.Y.T.M. PADUKA SERI BEGAWAN SULTAN BERSABDA DI-PEMBUKAAN RASMI PAMERAN BUKU2

TERLEBEH dahulu beta menguchapkan Al-hamdulillah, segala pujian2 tertumpu ka-hadhrat Allah Subhanahu Wata'ala yang telah melimpahkan kurnia rahmat-nya kapada hamba-nya yang takwa dan selawat dan salam kapada Nabi Mohamad s.a.w. serta kerabat2 dan sahabat2 baginda yang taat setia, jujur lagi amanah.

Kedua jawatankuasa pameran buku2 dan pameran seni lukis bersempena memperingati penukaran nama Bandar Brunei kapada Bandar Seri Begawan telah menjemput beta untuk beruchap dan merasmikan pembukaan kedua2 pameran ini. Atas laila kenangan Awang2 dan Dayang2 itu sa-bagai laila kaseh — beta terima.

Beta telah di-fahamkan bahawa di-antara buku2 yang di-pamerkan hari ini ada juga buku2 dalam bentuk sha'er yang beta karang sendiri. Beta juga di-fahamkan bahawa dalam pameran buku2 ini ada juga sedikit sebanyak sha'er karangan beta yang di-terbitkan. Beta sukachita menyatakan ia-itu:

Pertama: Karangan beta itu bukan dengan niat beta pada menunjukkan sa-bagai beta ahli penyaer. Apa yang sabenar-nya buku2 sha'er yang beta nukil itu hanya-lah sambil2an di-waktu kelapangan beta—semata2 untuk hiburan laila penglipur lara.

Kedua: Bagitu juga dalam menghakimkan buku2 ini, baik buku2 ilmu pengetahuan maupun buku2 sastera, banyak tulisan2 dan buku2 yang bunyi-nya lemah merdu yang berlagak gagah bentok-nya, akan tetapi di-masa ini buku2 tersebut telah di-teliti, di-kaji, di-amat2i, maka keadaan buku2 tersebut itu tidak sesuai untuk di-jadikan laila panduan dengan keperluan masa ini, bahkan ada-lah tawar isi-nya atau yakni mengandongi anasir2 yang bertu-

pun pelukis mesti-lah mempunyai sifat jujur di-sertai dengan sifat amanah, dan yang lebeh mustahak ia-lah bersifat jujur dan amanah pada diri sendiri. Sa-saorang penulis atau pelukis yang tidak jujur dan amanah kapada diri-nya sendiri tidak akan dapat menjadi pelukis atau penulis yang benar2. Penipuan kapada diri sendiri bukan-lah sifat seniman yang sejati.

Negeri Brunei ada-lah mengkehendak2 orang2 yang jujur dan amanah baik ia penulis, pelukis, guru2, pehak2 pentadbir, kakitangan kerajaan termasuk buruh kasar yakni kuli dan sa-bagai-nya. Dalam zaman pembenaan ini tanpa laila jujur, tanpa amanah serta ikhlas dalam menjalankan dan bersungguh2 giat dalam — serta tidak mempunyai laila ke bathinan ikhlas dalam menjalankan tugas, segala hasil2 berkebakikan tidak akan di-chapai. Tetapi beta pernah menyusun sa-rangkap pendapat beta di-dalam Sha'er Asli Raja Sari:

Elok di-eja sa-belum membacha,
elok berfikir sa-belum memuja,
elok di-kaji sa-belum bersimak,
tundoki kaki sa-belum berlangkah.

Dengan kata lain jangan membuat kritik2 yang membuta tulj kerana akibat-nya bukan saja buruk kapada yang membuat kritik itu, tetapi juga akan membawa keburokan kapada laila isi dalam negeri-nya sendiri yang sentosa. Kritik yang terpuji ia-lah kritik yang jujur laila membena dan berpanduan kebenaran.

Mengenai tiap penulis mau-

kan pendapat ada-lah satu kerja yang — akan menjadikan Brunei Darussalam yang terchinta ini menjadi sebuah negeri yang aman dan ma'amor laila bahagia.

Mengenai dengan pameran seni lukis ini beta sangat sukachita mendengar yang lukisan2 yang di-pamerkan ada-lah di-lukis khas untuk menampilkan bayangan chorak ke-Bruneian. Kesedaran laila pelukis untuk mentayangkan benda2 yang terdapat di-Brunei baik dari sumber kerja maupun lain2, patut-lah di-beri pujian. Kerana dengan kesedaran serta kegiatan saperti itu akan mengharumkan lagi nama baik Brunei di-mata dunia. Saperti juga hasil seni sastera, hasil seni lukis patut di-tumpukan kapada alam Brunei daripada mengetahui negeri2 yang baik di-dalam di-luar negeri Brunei.

Insha-Allah, dengan usaha saperti ini akan memberi ma'ana lagi pada hasil seni lukis dapat membantu terhadap penumbuhan taat setia raayat kapada Sultan, kapada Kerajaan Baginda dan pada umumnya kapada Negeri Brunei Darussalam yang bersultan memerintah. Oleh sebab kedua2 penulis dan pelukis itu bertugas dalam bidang seni, maka sumbangan mereka ada kebolehan sa-bagai laila fikiran yang berkebakikan jika di-izinkan oleh Allah Subhanahu wata'ala. Berjaya ada-lah bermutu.

Beta berpendapat semoga usaha2 yang laila berkebakikan dan benar mustahak elok di-titik beratkan sa-bagai atau segi laila tugas tenaga menjadi jasa dari zaman berzaman.

Kapada seni lukis dan penulis, beta sukachita menumpukan permintaan beta kapada penulis dan kapada pelukis atau kapada pe-

meta ya'ani tukang tulis, tukang pelukis dan tukang membuat peta — jangan di-bu-buh atau jangan di-garih sempadan Brunei dengan Limbang.

Brunei dan Limbang tidak mempunyai sempadan, kerana Limbang ada - lah hak Brunei. Beta telah menuntut Limbang kapada Malaysia sa-baik2 saja Brunei memutuskan tidak memasoki atau tidak masuk Malaysia dan tuntutan telah di-hantar kapada kerajaan pusat atau kapada Malaysia ada-lah berasaskan dari segi ugama dan menurut hukum2 ugama mengenai hak ya'ani Brunei berhak di-atas Limbang.

Penyusunan bagi penuntutan Limbang telah pun di-hantar menurut saloran yang sihat. Yang mana beta nyatakan tadi mengenai susulan Kerajaan Negeri Brunei telah menghantar susulan kapada kerajaan pusat Malaysia atau ka-Malaysia dengan menurut saloran yang sihat.

Sekali lagi beta nyatakan, Brunei ada-lah berhak di-atas Limbang.

Sa-bagai penutup ucapan beta sukachita mengambil peluang untuk ingat-memperingati Awang2 dan Dayang2 sekalian. Sa-bagai mana yang beta selalu katakan bahawa walau bagaimana pun sebuah negara itu, hasil dari kemajuan-nya itu terabai dengan tidak di-utamakan serta tidak di-sempurnakan walun pun sa-tiap negara itu mempunyai peratoran taraf laila pentadbiran dengan ketiadaan pada chintakan keselamatan, keamanan, ketenteraman, maka negara2 tersebut tidak akan berkekalan kesempurnaan - nya. Oleh yang demikian, kita di-Negeri Brunei khas-nya, dan raayat penduduk dan laila isi dalam Negeri Brunei hendak-lah meminta do'a bersungguh2 pada Tohan, semata2 mengutamakan usaha keselamatan, keamanan, ketenteraman dan hendaknya-lah di-pelihara dengan sebaik2-nya supaya nikmat kemajuan Negeri Brunei Darussalam dapat kita rasai bersama. Mudah2an dengan izin Allah Subhanahu wata'ala Negeri Brunei Darussalam sentiasa di-pelihara oleh Tohan Rabbul Alamin.

Sekian. Wabil-lahi taufek-wal-hidayah. Amin.



D.Y.T.M. Paduka Seri Begawan Sultan, Sir Muda Omar Ali Saifuddin .



PIALA UNTUK PERADUAN MENGARANG

Tarikh penutup di-tunda

BANDAR BRUNEI. — Tarikh penutup bagi menyertai peraduan mengarang sempena penukaran nama Bandar Brunei kepada Bandar Seri Begawan telah di-lanjutkan sa-hingga 27 November, 1970.

Sa-orang juruchakap peraduan itu menyatakan bahawa penundaan tarikh itu di-lakukan ada-lah bagi memberi masa yang lebih panjang kepada penulis2 yang ingin menyertai-nya.

Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Pemancha Shahibul Rae'wal Mashuarat Muda Haji Mohammad Alam telah menghadiahkan sa-biji piala untuk pemenang pertama dalam bahagian mengarang renchana bagi tajok khas berhubung dengan 'Adat Istiadat'.

Pengerusi Peraduan itu, Awang Md. Husain bin Haji Md. Yusof bagi pehak jawatankuasa peraduan menyembahkan sa-tinggi2 ucapan terima kasih atas pengurniaan Yang Teramat Mulia itu.

Awang Md. Husain mensifatkan pengurniaan piala itu sa-bagai satu galakkan utama untuk memeriahkan lagi sambutan pengarang dan penulis2 tanah ayer untuk mengambil bahagian dalam peraduan tersebut.

SERU PENULIS2

Beliau menyeru penulis2 tanah ayer supaya tampil kemuka untuk menchuba bakat dan kebolehan mereka dengan melahirkan karya2 yang bernilai mengenai tajok2 yang telah di-tentukan.

Dengan tajok2 yang telah disediakan itu, beliau yakin akan dapat menjelaskan kedudukan perkembangan dan sejarah negeri ini dalam masa pemerintahan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan dari sudut kacha-mata pengarang2 yang terdiri dari raayat negeri ini sendiri.

Tajok2 mengarang renchana itu ia-lah "Perkembangan Negeri Brunei dalam masa pemerintahan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan" sa-chara umum; dan renchana2 sa-chara khusus atas satu2 tajok saperti "ekonomi", "ugama", "adat-istiadat", "pelajaran", "bahasa", "kesihatan", "kebajikan masyarakat", dan "penyiaran dan penerangan."



Sa-buah piala yang di-hadiahkan oleh Yang Teramat Mulia, Seri Paduka Duli Pengiran Pemancha, Sahibul Rae'wal Mashuarat Muda Haji Mohammad Alam bagi Peraduan Mengarang Perkembangan Di-Masa Pemerintahan D.Y.T.M. Paduka Seri Begawan Sultan bahagian Tajok Khas 'Adat Istiadat' — hadiah pertama.

SEBAGAI PEMANDU MOTOR SANGKUT

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalun2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untuk memenohi jawatan Pemandu Motor Sangkut di-Jabatan Perubatan dan Kesihatan, Brunei.

Kelayakan2:

Pemohon2 mesti-lah mempunyai pengalaman memandu motor sangkut selama beberapa tahun dan mempunyai sedikit pengetahuan membaiki kerosakan2 kecil bagi jentera motor sangkut.

Mereka mesti-lah bersedia berkhidmat di-mana2 daerah di-Negeri ini.

Gaji:

Dalam sukatan gaji F.2 EB3 — 180 x 15 — 195/EB/200 x 5 — 220.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 17hb. Oktober, 1970.

BERCHUCHOL MULAI ESOK

BANDAR BRUNEI. — Berchuchol bagi rumah2 dan bangunan2 sharikat2 perniagaan di-Bandar Brunei di-mulakan pada 1 Oktober (esok) dan berakhir pada 5 Oktober.

Persembahan berchuchol sa-chara suka-rela ini ada-lah bagi memeriahkan perayaan penukaran nama Bandar Brunei kepada Bandar Seri Begawan.

Sa-orang juruchakap persembahan itu berkata, temasha berchuchol rumah2 dan bangunan2 itu ada-lah bagi kawasan2 yang mempunyai bekalan listrik saperti di-sekitar Bandar

Brunei, Jalan Subok, Jalan Kota Batu hingga ka-kampung Pelambayan, Jalan Tutong hingga ka-Batu 10, Jalan Gadong hingga ka-Batu 6; dan Jalan Muara hingga ka-Batu 7 dan sepanjang Jalan Pasir Berakas.

Rumah2 di-kampung Ayer juga di-minta memasang chuchol masing2 di-sepanjang perayaan itu berjalan.

Lampu2 chuchol itu hendaklah di-nyalakan mulai pukul 6.30 hingga pukul 12.00 tengah malam.

JAWATAN—JAWATAN

KOSONG:

Sa-bagai Pembantu Teknik

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalun2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan bagi memenohi jawatan2 Pembantu Teknik di-Jabatan Kerja Raya, Brunei.

Kelayakan2 dan Pengalaman:

Pemohon2 mesti-lah lulus Tingkatan II Inggeris dan Darjah V Sekolah Melayu atau yang bersamaan dengan-nya. Keutamaan akan di-beri kepada pemohon2 yang mempunyai pengalaman selama 3 tahun dalam jurusan teknikal, terutama sekali dalam ukor mengukur.

Gaji:

Dalam sukatan gaji D1-2-3 EB4 — \$210 x 10 — 270 x 15 — 360 x 20 — 480/EB/500 x 20 — 620. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

Permohonan2 daripada Pegawai2 Kerajaan yang sedang berkhidmat hendak-lah di-hantar melalui Ketua2 Jabatan masing2 siapa di-kehendaki menghantarkan laporan2 sulit mengenai pemohon2 bersama2 dengan satu Chatetan Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 8hb. Oktober, 1970.

Sa-bagai Pemandu Tingkatan II

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalun2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untuk memenohi jawatan2 Pemandu Tingkat II di-Jabatan Perubatan dan Kesihatan, Brunei.

Kelayakan2:

Pemohon2 mesti-lah mempunyai lisen memandu dengan tidak pernah di-dakwa kerana kesalahan memandu. Mereka mesti-lah juga pemandu2 yang berpengalaman dan boleh membaiki sebarang kerosakan2 kecil.

Tugas2:

Pemohon2 mesti-lah bersedia menjalankan tugas sama ada siang atau malam di-mana2 daerah di-negeri ini.

Gaji:

Dalam sukatan gaji F.3 — \$200 x 5 — 220.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 12hb. Oktober, 1970.

S. U. K. TERANGKAN KENAPA BANDAR BRUNEI DI-TUKAR MENJADI BANDAR SERI BEGAWAN

BANDAR BRUNEI. — Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara, Pengiran Momin bin Pengiran Haji Ismail, Setia Usaha Kerajaan Brunei telah menegaskan bahawa penukaran nama Bandar Brunei kepada Bandar Seri Begawan hanya-lah merupakan satu tanda yang kecil saja jika di-nilai dari jasa2 Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan terhadap negara dan raayat negeri ini.

Yang Amat Mulia itu menjelaskan bahawa jasa Duli Yang Teramat Mulia itu terhadap permodenan Bandar Brunei khas-nya dan seluruh Negeri Brunei umum-nya yang berkembang pesat dalam masa pemerintahan Baginda telah menyebabkan baginda itu di-akui sa-bagai akitek pembangunan Brunei moden.

Oleh yang demikian, Yang Amat Mulia itu menekankan bahawa jasa2 Duli Yang Teramat Mulia itu tidak shak lagi menjadi satu chatetan sejarah gemilang negeri ini.

"Maka sa-bagai satu peringatan sejarah itu, kita namakan Bandar Brunei ini menjadi Bandar Seri Begawan", tegas beliau.

Di-samping itu, Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara mensifatkan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan sa-bagai sa-orang raja yang berjiwa progerisib dan moden, beriman serta mempunyai sifat2 yang kaseh sayang terhadap raayat Baginda.

Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara mengakui bahawa penukaran nama bandar itu kepada nama gelaran Duli Yang Teramat Mulia tidak-lah sejajar dengan jasa2 yang telah di-churahkan oleh Baginda selama ini, tetapi ia-nya di-lakukan hanya-lah sekadar sa-bagai satu tanda yang kecil saja untuk peristiwa jenerasi2 Brunei yang akan datang.

Dalam satu temuramah khas dengan Pengelola Ranchangan

Bahagian Melayu Radio Brunei, Awang Abdul Wahab Mohammad baru2 ini, Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara telah menyingkap kembali sa-bahagian dari jasa2 yang pernah di-churahkan oleh Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan terhadap perkembangan negara dan kebajikan untuk seluruh raayat.

"Kita tentu saja menyedari bahawa penukaran bentuk chorak dan kemajuan negeri ini, dari keadaan yang statik dan kuno kepada keadaan yang progerisib dan moden telah bermula pada zaman pemerintahan Duli Yang Maha Mulia Sultan Sir Omar Ali Saifuddin yang masa ini di-kenal sa-bagai Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan".

Yang Amat Mulia itu menyatakan:

"Pada zaman pemerintahan baginda, buat pertama kali raayat dan penduduk2 Negeri Brunei menikmati beberapa perkhidmatan seperti perubahan, pelajaran, penchen tua dan lain2 kebajikan dengan chara yang perchuma yang mana di-negeri2 lain perkhidmatan2 seperti ini lazim-nya di-bayar. Misal-nya, raayat negeri ini sentiasa di-beri peluang yang luas bagi menuntut pelajaran sa-hingga ka-universiti2 atas perbelanjaan kerajaan asalkan ada kesanggupan otak."

Menyebut mengenai bidang kemajuan siasah dan ketenteran di-negeri ini atas sumbangan jasa yang besar maana-nya dari Yang Teramat Mulia itu,

Pengiran Dipa Negara menyatakan:

"Dalam zaman pemerintahan baginda juga, negara kita telah mendapat satu perlembagaan bagi menentukan churak pemerintahan dalam negeri ini dan dalam masa pemerintahan baginda juga tertubuh-nya satu pasokan tentera ia-itu Askar Melayu Di-Raja Brunei bagi kepentingan keselamatan dan kebahagiaan Negara Brunei."

Mengenai kemajuan2 lain yang di-chapai dalam masa pemerintahan Baginda itu, Pengiran Dipa Negara bersabda:

"Kita sama2 menyaksikan perkembangan2 Ugama Islam yang menyeluruh ka-pelusok negeri. Bangunan2, jalan2 raya yang menghubungkan tempat2 yang tidak pernah di-datangi atau susah hendak di-datangi tapi sekarang sudah jadi hampir. Perbekalan2 letrik yang berguna bukan saja untuk menerangi rumah kita masing2, tetapi juga sa-bagai asas bagi perusahaan untuk berjalan lancar".

TUAN2 PUNYA PETI SURAT DI-ARAH MENUKAR NAMA BANDAR

BANDAR BRUNEI. — Ketua Pos Agong Pengiran Bahar bin Pengiran Shahbandar Anak Hashim telah meminta tuan2 punya peti surat di-Bandar Brunei supaya bekerjasama dengan menggunakan "Bandar Seri Begawan" dan bukan "Bandar Brunei" dalam persuratan mereka sa-hari2 mulai dari 4 Oktober.

Permintaan itu telah di-umumkan dalam surat keliling Pejabat Pos Besar baru2 ini dan di-bagikan kepada semua tuan2 punya peti surat.

Pejabat Pos Besar di-Bandar Brunei pada hari ini.

Ada-lah di-umumkan bahawa perkhidmatan pos pada hari itu akan di-hadkan untuk menjual setem2 dan menerima barang2 yang berdaftar.

Pejabat tersebut tidak akan menerima atau menghantar barang2 kiriman COD atau pun menjalankan perkhidmatan bank pada masa itu.

Surat2 juga tidak akan di-hantarkan dari sabuah ka-sa-buah rumah.

Sir Brian Burnett melawat Brunei

BANDAR BRUNEI. — Ketua Pemerintah Timor Jauh, Ketua Marshall Udara, Sir Brian Burnett dan Lady Burnett telah tiba di-Brunei pada hari Rabu lalu dengan kapal terbang tertera udara di-raja kerana telah sa-lama dua hari telah pulang ka-Singapura pada ke-esokan hari-nya.

Dalam satu sidang akhbar yang singkat dengan pemberita2 tempatan di-bilik orang2 kenamaan di-lapangan terbang Berakas sa-jurus sa-telah beliau tiba, Sir Brian berkata bahawa tidak ada ancaman yang nyata sama ada dalam atau dari luar di-wilayah sebelah sini.

Sir Brian berkata, kehadiran askar2 British di-Brunei ia-lah se-

mata2 untuk menolong memelihara keamanan dan ketenteraman negeri itu.

Beliau berkata, keputusan untuk mengekalkan satu battalion askar2 Guekha di-Brunei ada-lah se-

ma bagi.

Sa-jurus sa-lepas ketibaan beliau, Sir Brian telah mengadap Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei.

Sir Brian dan Lady Brian telah di-sambut di-lapangan terbang Berakas oleh Tuan Yang Terutama Pesuruhjaya Tinggi British di-Brunei, Awang A. R. Adair dan Pengarah Penyiaran dan Penerangan Brunei, Awang G. V. de Freitas.



Y.A.M. Pengiran Dipa Negara.

KERAJAAN TIDAK MEMBELANJAI PERAYAAN, KERANA SEMUA-NYA SUMBANGAN SUKA-RELA DARI RAAYAT

BANDAR BRUNEI. — Keseluruhan perayaan2 yang diadakan bagi memeriahkan istiadat penukaran nama Bandar Brunei menjadi Bandar Seri Begawan yang akan berlangsung sa-lama sa-minggu, mulai 1 Oktober esok tidak akan melibatkan perbelanjaan kerajaan.

Kerajaan telah tidak membuat peruntukan khas bagi perayaan itu, kerana segala bentuk perayaan yang bakal diadakan hanya-lah merupakan sumbangan2 suka-rela sama ada dari kumpulan2 orang ramai, persatuan2, sharikat2, kampung2 dan sekolah2.

Dalam satu temuramah khas, Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara Pengiran Momin bin Pengiran Haji Ismail, Setia Usaha Kerajaan Brunei yang juga menjadi Pengerusi perayaan itu menyatakan:

"Achara2 perayaan ada-lah semua-nya sumbangan dari raayat dan penduduk2 negeri ini seperti orang2 kampung, belia2, badan2 sokan, sekolah2 dan sa-umpamanya."

Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara mengangap sa-bagai satu perkara yang ganjil jika Kerajaan membelanjai badan2 itu, sedangkan achara2 perayaan yang diadakan oleh mereka itu hanya-lah merupakan sumbangan atau persembahan bagi mengenang jasa Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan.

Atas sumbangan2 itu, Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara merasa bangga kerana raayat dan penduduk daerah Brunei dan Muara khas-nya telah membuktikan penyertaan mereka dalam perayaan2 itu dengan chara yang benar2 suka-rela.

Yang Amat Mulia itu mensifatkan semangat yang di-tunjukkan oleh raayat dan penduduk daerah Brunei dan Muara itu telah membayangkan betapa telah timbul dengan nyata rasa tanggung-jawab mereka yang seharus-nya mendapat galakkan yang wajar.